

08/01/1997

Malaysia belum terima permohonan Tang

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia tidak menerima sebarang permohonan daripada calon pembangkang Singapura, Tang Liang Hong, bagi mendapatkan perlindungan sementara di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun pada masa yang sama, kata Perdana Menteri, pihak berkuasa negara ini tidak boleh menghalang warga asing yang melawat Malaysia jika mereka mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Pelawat akan hanya dihantar pulang ke negara asal mereka jika ada permintaan oleh kerajaan negara itu kerana didapati bersalah dalam kegiatan jenayah.

"Dia boleh memasuki negara ini dengan dokumen sah melainkan ada perintah ekstradisi dari Singapura atas kesalahan jenayah dan kita kena serah.

"Kita tidak ada perjanjian menghantar pulang warga asing yang melakukan kesalahan bukan jenayah atau politik di negara asalnya," katanya kepada pemberita selepas melawat projek Mines Resort City di Sungai Besi hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan mengenai Tang, 61, calon pembangkang dalam pilihan raya umum Singapura baru-baru ini, yang dikatakan berlindung di negara ini kerana bimbang keselamatan dirinya selepas dianggap taksud kepada semangat perkauman Cina.

Mengikut laporan AFP, Tang meminta perlindungan sementara kerana takut keselamatannya terancam selepas dilabel sebagai anti-Kristian oleh Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

Sementara itu, Tang dikatakan berada di Johor Bahru tetapi hanya untuk berehat dan mengendalikan perniagaannya, kata Pengerusi Parti Rakyat Malaysia (PRM) Johor, Abdul Razak Ahmad.

Abdul Razak berkata, beliau yang mengenali Tang lebih 30 tahun sejak menuntut di universiti yang sama, menemui Tang di sini hari ini.

"Sebagai kawan lama dan secara kebetulan berkecimpung dalam bidang sama, kita berbincang mengenai banyak hal. Sabtu lalu, kita bersama lima rakan lain makan tengah hari di sebuah hotel di sini," katanya kepada Bernama.

Menurut laporan akhbar di republik itu semalam, Tang yang bertanding sebagai calon Parti Pekerja, mencari perlindungan di Johor sejak hujung minggu lalu setelah dia dianggap sebagai seorang yang taksud kepada semangat perkauman Cina dan anti-Kristian Cina oleh Perdana Menteri Singapura.

(END)